

29 JUL 1997

LID-Zimbabwe

MALAYSIA EKSPORT TEKNOLOGI PEMBUATAN AUTOMOBIL KE ZIMBABWE

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Malaysia kini tidak lagi menjadi penerima teknologi pembuatan automobil tetapi sebagai pengeksporth teknologi itu ke negara-negara Dunia Ketiga bermula dengan Zimbabwe.

Sebuah syarikat usahasama Malaysia-Zimbabwe akan mendirikan sebuah kilang pengeluaran kereta dan bas berharga AS\$30 juta (RM78 juta) yang boleh dieksporth ke negara-negara di rantau selatan Afrika.

Syarikat usahasama itu -- Zimbabwe Automotive Manufacturer Pvt Ltd -- ialah 75 peratus dimiliki oleh Malaysia melalui Zimbabwe Automotive Industries Pvt. Ltd dan 25 peratus lagi milik Zimbabwe.

Selain itu, Promet Bhd telah menandatangani perjanjian dengan Zimbabwe Republic Police Association untuk membina 10,000 unit rumah untuk anggota polis dan bangunan pentadbiran membabitkan RM200 juta.

Pemeteraian Memorandum Persefahaman dan perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Zimbabwe Robert Mugabe.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Dr Hassan Mohd Ali, pengarah urusan Zimbabwe Automotive Industries Pvt Ltd berkata kilang itu yang terletak di Bulawayo, bandaraya kedua terbesar di negara itu.

Kilang itu mungkin mengeluarkan kereta 800-1,000 cc dengan kapasiti pengeluaran 5,000 kereta dan bas setahun.

Sebelumnya, kereta dan bas buatan Malaysia akan diimport ke Zimbabwe dengan kerajaan Zimbabwe menawarkan langkah keutamaan dalam pengimporan kereta-kereta ini.

Berhubung dengan projek perumahan, Promet melaksanakan projek itu melalui ZinMal Promet, syarikat usahasama yang ia menguasai 70 peratus kepentingan sementara selebihnya dipegang oleh ZimMal Holdings (Pvt) Limited. -- BERNAMA

RV MR FAZ